

Khasiat Tersembunyi Bunga Tahi Ayam

Oleh CHEE BENG JIN

BUNGA tahi ayam atau nama saintifiknya, *Lantana camara L.* sejenis tumbuhan renek, berbatang keras yang berduka halus dan mempunyai banyak cabang. Daunnya berwarna hijau gelap dan berbulu kasar pada kedua-dua belah permukaan. Bunganya kecil dan tumbuh berjambak pada hujung ranting. Bunganya pelbagai warna seperti merah, merah jambu, putih, oren, kuning dan ungu. Buah tumbuhan ini jenis beri, bersaiz kecil dan bulat. Buah muda berwarna hijau dan biru hitam atau ungu apabila matang serta boleh dimakan. Nama bunga tahi ayam mungkin berasal daripada baunya yang kurang disenangi apabila daun atau bunganya disentuh atau diramas. Pokok ini juga dikenali dengan nama bunga pagar dan jebat harimau.

Lantana camara berasal dari kawasan tropika benua Amerika dan tersebar di kebanyakan kawasan beriklim tropika. Terdapat rekod yang menunjukkan bahawa pokok ini diperkenalkan di rantau Asia Tenggara sejak kurun ke-19 oleh pedagang Sepanyol. Tumbuhan ini biasanya dijumpai tumbuh liar di kawasan terbuka dan kering, terutamanya di tepi jalan dan tanah terbiar. Pokoknya yang tahan kemarau dan selalunya dianggap sebagai rumpai. Ada kalanya, bunga tahi ayam ditanam sebagai pokok hiasan dalam landskap kerana warna bunganya yang cantik.

Dalam bidang perubatan tradisional, *Lantana camara* digunakan di serata dunia. Rekod kuno di benua China menunjukkan bahawa pokok ini digunakan sebagai mandian untuk mengubati penyakit kusta dan kudis buta (skabies) sewaktu Dinasti Qing (1644 – 1911 Masihi). Di Filipina, daunnya ditumbuk lumat dan ditampal pada bahagian badan yang terseliuh, bengkak dan luka. Di negara-negara Hindia Barat, bahagian pucuk daun

dijadikan teh untuk diminum ketika demam dan selesema, untuk mengawal hipertensi dan melawaskan air kencing.

Di Malaysia, daun bunga tahi ayam yang dilumatkan untuk mengubati bahagian luka, kudis, ekzema dan demam. Daunnya juga digunakan dengan cara dipupuk pada bahagian badan yang bengkak. Kadangkala air rendaman daunnya disapukan pada sendi yang bengkak.


Daun dan buah bunga tahi ayam juga digunakan untuk mengubati sengal tulang. Air rebusan akarnya diminum untuk mengubati sakit gigi, bengkak dan radang, buang air besar berdarah, penyakit gonorea dan masalah keputihan. Air rendaman daunnya digunakan untuk mengurangkan kegatalan pada kulit, batuk dan selesema, peradangan usus besar (disenteri) dan demam kuning (jaundis). Daunnya digunakan dalam amalan bertungku selepas bersalin.

Bahan fitokimia daripada daun ini dipercayai akan meresap ke dalam badan dan membantu mempercepat pengecutan rahim pada kedudukan asalnya.

Kajian saintifik penting untuk membuktikan keberkesanan dan kesahihan kegunaan harian pokok bunga tahi ayam. Dalam satu kajian makmal, ekstrak daunnya didapati telah

mengurangkan kesan cirit-birit pada haiwan kajian. Antara bahan fitokimia yang mungkin membantu memberhentikan cirit-birit tersebut ialah flavonoid, terpena dan triterpena pentasiklik yang dijumpai di bahagian daunnya. Minyak pati seperti 1,8-cineol, sabinena dan β -kariofilena yang banyak dijumpai pada daun dan bahan fitokimia seperti flavonoid dan alkaloid pada akar juga didapati merencatkan pertumbuhan bakteria di dalam makmal.

Penemuan ini mungkin dapat membantu dalam penemuan ubat untuk memerangi bakteria berbahaya seperti *Escherichia coli*, *Proteus mirabilis*, dan *Staphylococcus aureus*. Dalam kajian awal di Afrika, penyelidik mendapati ekstrak metanol dan kloroform dari bahagian daunnya dapat merencatkan pertumbuhan bakteria *Mycobacterium tuberculosis* yang





Buah bunga tahi ayam yang muda berwarna hijau.

menyebabkan penyakit Tuberkulosis (batuk kering).

Dalam satu kajian ke atas pembentukan ulser perut pada haiwan, ekstrak metanol daripada daun bunga tahi ayam telah mengurangkan kesakitan dan pembentukan ulser gastrik pada haiwan kajian. Ekstrak daun *Lantana camara* juga mempunyai kesan antiradang. Bahan fitokimia Verbaskosid yang diasingkan daripada *Lantana camara* berupaya untuk merencatkan bahan enzim yang terlibat dalam proses radang. Penemuan terbaharu dalam sains tersebut amat penting untuk memberikan sumbangan dalam bidang perubatan moden.

Kajian kawalan serangga vektor penyakit dan perosak tanaman pertanian juga telah dijalankan dengan menggunakan bahan daripada pokok ini. Ekstrak mentah etanol dan metanol bahagian daun dan bunga

menunjukkan bahawa kesan membunuh pada larva nyamuk spesies *Aedes aegypti* yang menyebabkan demam denggi dan *Culex quinquefasciatus* yang membawa parasit penyakit filariasis. Dalam kajian kawalan serangga perosak pertanian pula, campuran serbuk bahagian batang, bunga, daun dan buah pokok ini telah berjaya mengawal dan membunuh kumbang perosak jagung (*Sitophilus zeamais*). Penemuan sebegini diharapkan boleh membantu dalam program pengawalan vektor dan serangga perosak secara semula jadi.

Lanjutan daripada kajian pengawalan biologi, pengguna harus sentiasa beringat dan sedar bahawa bahan fitokimia yang dapat membunuh larva dan serangga perosak bersifat toksik kepada hidupan lain. Dos yang tinggi dalam bahan fitokimia ini boleh mengakibatkan kematian hidupan. Kajian toksisiti menunjukkan bahawa terdapat kes kematian haiwan ternakan seperti lembu, kerbau, biri-biri dan kambing yang telah memakan bahagian daun dan buah tumbuhan ini. Kes kematian kerap terjadi sewaktu musim kemarau apabila haiwan ternakan memakan pokok ini kerana kekurangan makanan di padang ragut. Bahan fitokimia seperti Lantadene A dan Lantadene B telah menyebabkan keracunan tersebut. Walaupun jarang-jarang terdapat kes kematian dalam kalangan manusia, terdapat juga laporan kematian kanak-kanak yang memakan buahnya yang muda dan belum matang.

Walau bagaimanapun, pengguna seharusnya mengelakkan daripada membuat

keputusan sendiri tentang kegunaannya. Hal ini demikian kerana pengambilan melampaui dos yang biasa digunakan dalam sesuatu tradisi mungkin boleh mendatangkan kemudaratan daripada kebaikan. Langkah yang paling baik, rujuk pandangan pakar, terutama yang menguasai ilmu perubatan ubatan herba untuk mempertimbangkan dari sudut kebaikan dan risikonya. **DK**



Buah bunga tahi ayam yang matang berwarna hitam dan ungu.



Bunga tahi pelbagai warna.

FAKTA YANG MENARIK

- Pada abad ke-19, fesyen rambut berwarna ungu amat terkenal di Paris, Perancis. Warna tersebut diperolehi dengan mencampurkan bunga pokok *Lantana camara* di dalam air mandian. Setelah mandi, sesiapa yang sudah beruban secara semula jadi akan mendapati warna rambut bertukar kepada ungu.
- Tahukah anda bahawa batang pokok *Lantana camara* boleh diproses untuk dijadikan kertas menulis dan mencetak? Batangnya juga digunakan untuk membuat raga dan bakul kegunaan harian, termasuklah berus gigi.